

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

21. Apakah status Stadium Batu Kawan dari segi pemilikan, penyelenggaraan, pembaikan dan pemulihan, pengurusan *event* serta pembangunan keseluruhan Kompleks Sukan?

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Stadium Negeri Batu Kawan adalah di bawah pemilikan Kerajaan Negeri. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah meminta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk mengambil alih pengurusan dan penyelenggaraan stadium ini dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Bagi tujuan itu, PDC telah melantik anak syarikat milikan penuh PDC iaitu PDC Setia Urus Sdn Bhd (PDCSU) sebagai pengurus bangunan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan serta pengurusan acara di stadium tersebut.

Untuk makluman, Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang telah diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri pada tahun 2017. Perbadanan ini akan bertanggungjawab menguruskan stadium dan kawasan lapang di negeri ini dan Stadium Batu Kawan merupakan salah satu premis yang dicadangkan untuk diserahkan kepada Perbadanan ini kelak. Walau bagaimanapun, penubuhan Perbadanan ini telah ditangguhkan sehingga selepas kejohanan *Asia Pacific Masters Games (APMG) 2018* iaitu pada bulan September 2018.

